



## **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**Dokumen Sebutharga**

**No.Sebutharga: Bil. PSUKPP/48/2016**

### **PERKHIDMATAN MENGAMBIL GAMBAR PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2016**

**Tarikh Tutup:  
23 Jun 2016**

#### **URUS SETIA**

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
PULAU PINANG  
PARAS 49, KOMTAR  
10503 PULAU PINANG**

**TAJUK : PERKHIDMATAN MENGAMBIL GAMBAR PENERIMA DARJAH KEBESARAN BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2016**

**NO.SEBUT HARGA : PSUKPP/48/2016**

---

**Arahan-arahan Kepada Penyebut Harga:**

Sila ambil perhatian. Bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan seperti berikut :-

- Lampiran A : Kenyataan Tawaran Sebut Harga
- Lampiran B : Syarat-syarat Tawaran
- Lampiran C : Spesifikasi-spesifikasi
- Lampiran D : Borang Tawaran Sebut Harga
- Lampiran E : Borang Asas Perkiraan Harga (Costing)
- Lampiran F : Surat Akuan Pembida  
(SAP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)
- Lampiran G : Surat Akuan Pembida Berjaya  
(SAP 10 Tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010)
- Lampiran H : Senarai Semakan



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN**

**NO. SEBUT HARGA : PSUKPP/48/2016**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **221302 – Rakaman** atau **221303 – Fotografi** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai Sebut Harga berikut:-

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	<b>:</b>	<b>PSUKPP BIL. 48/2016</b>
<b>TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>:</b>	<b>Perkhidmatan Mengambil Gambar Penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2016</b>
<b>TARIKH BUKA</b>	<b>:</b>	<b>10 Jun 2016</b>
<b>TARIKH TUTUP</b>	<b>:</b>	<b>23 Jun 2016</b>
<b>TEMPOH SAH LAKU</b>	<b>:</b>	<b>90 Hari (7 September 2016)</b>

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan e-Perolehan boleh mendapatkan borang Sebut Harga melalui laman web e-Perolehan.

3. Borang tawaran yang lengkap diisi berserta profil syarikat, penyata akaun bank tiga bulan terkini dan maklumat pengalaman serta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **PSUKPP/48/2016** di **Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 49, KOMTAR, Pulau Pinang** pada atau sebelum jam 12 tengah hari pada **23 Jun 2016**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**4. Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran yang ditawarkan oleh pihak syarikat. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

## SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran hanya dibuka kepada syarikat **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti berikut:

221302 - Rakaman, atau  
221303 - Fotografi

2. Salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan** yang masih sah tempoh lakunya hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan Borang Tawaran Sebut Harga – **Lampiran D**.
3. Berdaftar dengan e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
4. Satu salinan profil syarikat yang lengkap yang menunjukkan pengalaman dalam kerja-kerja yang ditawarkan dan jumlah pekerja serta penyata bank tiga bulan terkini hendaklah dikemukakan bersama Tawaran Sebut Harga – **Lampiran D**.
5. Arahan Pengiriman:

\* Tawaran Sebut Harga hendaklah dihantar dengan tangan dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga PSUKPP 48/2016 di **Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 49, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang** pada **23 Jun 2016** sebelum jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat menerima tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana tawaran.

6. Tempoh sah tawaran

\* Sah selama 90 hari.

## 7. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah/tertinggi atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

## 8. BAYARAN

Bayaran bagi setiap keping gambar yang diambil dan diproses akan dicajkan kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Pulau Pinang berdasarkan kepada harga tawaran yang telah dipersetujui. Urusan tempahan dan bayaran adalah di antara pembekal yang berjaya dengan penerima berkenaan.

## **10. SUMBANGAN**

Pembekal perlu menawarkan bayaran sumbangan kepada Kerajaan dalam tempoh **14 hari dari tarikh hari pertama** Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Tahun 2016 sebagai pulangan hasil atas penggunaan ruang dewan dan utiliti yang disediakan.

## **9. DEPOSIT**

Deposit sebanyak **RM 10,000.00** akan dikenakan kepada pembekal yang berjaya membida sebut harga dan akan disertakan bersama surat setuju terima tawaran. Wang deposit tersebut akan dikembalikan tidak lewat daripada **17 November 2016** iaitu 3 hari selepas tempahan disempurnakan. Wang deposit tidak akan dikembalikan sekiranya pembekal tidak menyempurnakan tempahan dalam tempoh yang ditetapkan.

## **10. PENYEMPURNAAN PERKHIDMATAN**

Cetakan dan edaran gambar perlu disempurnakan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas dari tarikh hari pertama Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan pingat Kehormatan Negeri Tahun 2016 iaitu pada **14 Ogos 2016 sehingga 14 November 2016**.

## **11. PENJELASAN LANJUT**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

## **12. PERINGATAN MENGENAI RASUAH**

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah;

- 12.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa - apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana - mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 12.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana - mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Badan Pencegah Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 12.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraikan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 12.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana - mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

### **13. PELAKSANAAN *INTEGRITI PACT***

- 13.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen Sebut Harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga. Surat Akuan Pembida dan Surat Perwakilan Kuasa adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.
- 13.2 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menandatangi Surat Akuan Pembida Berjaya dan berikrar bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di Lampiran F. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima/Pesanan Tempatan.

**LAMPIRAN C****SPESIFIKASI-SPESIFIKASI**

1.1 Anggaran jumlah penerima Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang adalah dianggarkan seramai 1,200 orang.

1.2 Saiz

Bil.	Item	Saiz	Harga Se unit (RM)	
			Berbingkai	Tidak Berbingkai
1	Gambar 4R	4" x 6"		
2	Gambar 5R	5" x 7"		
3	Gambar 6R	6" x 8"		
4	Gambar 8R	8" x 10"		
5	Gambar 11R	11" x 14"		
6	Gambar 16R	16" x 20"		
7	Gambar 20R	20" x 24"		

1.3 Pakej

Bil.	Item	Saiz	Harga Se unit (RM)	
			Berbingkai	Tidak Berbingkai
1	Pakej A	8R – 2 Keping 4R – 4 Keping Softcopy Resin Coated		
2	Pakej B	11R – 1 Keping 8R – 1 Keping 4R – 4 Keping Tulisan khas nama & jenis pingat Softcopy Resin Coated		

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Saiz</b>	<b>Harga Se unit (RM)</b>	
			<b>Berbingkai</b>	<b>Tidak Berbingkai</b>
3	Pakej C	16R – 1 Keping 8R – 1 Keping 4R – 4 Keping Tulisan khas nama & jenis pingat Softcopy Resin Coated		

- 1.4 Penerima pingat tidak terikat untuk membeli gambar secara pakej. Gambar juga boleh dijual secara kepingan mengikut saiz yang ditawarkan.

## LAMPIRAN D

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga
<b>Bil.PSUKPP/48/2016</b>

(Kew. 284-Pin. 5/94)

### KERAJAAN MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

#### SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENGAMBIL GAMBAR PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2016

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama syarikat) .....| Pelawaan sebut harga dikeluarkan  
.....| Oleh  
.....| **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
PARAS 49 KOMTAR**  
No. Telefon: .....| **10503 PULAU PINANG**

No. Pendaftaran dengan Kementerian |

Kewangan : .....| No. Telefon: **04-6505481**

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan  
pembelian ini **221302 Rakaman atau 221303**  
**Fotografi.** |  
| Tarikh:

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan :
  - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan **SEPERTI DI LAMPIRAN B,C DAN D.**
  - 1.2. Tempoh perkhidmatan dari ..... **HINGGA** .....
  - 1.3. Arahan pengiriman ..... **ADA**.....
  - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **Bil. PSUKPP/48/2016**.
  - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas **tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari 23 Jun 2016**.
  - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh : Tandatangan : .....

Nama Pegawai : **NAZIHATUL FARAH BT MUHAMAD NIDZAM**

Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN (DUN)**

Bil.	Perihal Bekalan/perkhidmatan dan syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kelengkapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian / Jabatan					Untuk diisi oleh Penyebut Harga-harga
Tarikh Penyerahan / Penyempurnaan Selepas Tarikh Penganugerahan Pingat iaitu dalam tempoh <b>14 Ogos 2016 sehingga 14 November 2016</b>	TIADA	TIADA	TIADA	<b>TAWARAN SUMBANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI :</b> <b>JUMLAH :</b> _____  (Dengan Perkataan : Ringgit Malaysia _____ _____ _____ _____ )	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan adalah dalam tempoh tiga (3) bulan selepas dari tarikh hari pertama Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan pingat Kehormatan Negeri Tahun 2016 iaitu pada **14 Ogos 2016 sehingga 14 November 2016**.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan dengan harga dan syarat-syarat serta spesifikasi-spesifikasi yang dinyatakan, tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
 Penyebut Harga \_\_\_\_\_  
 Nama : \_\_\_\_\_  
 Jawatan : \_\_\_\_\_  
 No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
 Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Cop Rasmi Syarikat : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

- (I) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah disertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Sebut Harga.

## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

## **12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **13. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### **14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

### **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **16. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

### **17. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus ;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**BORANG ASAS PERKIRAAN HARGA (COSTING)****A. Harga bagi setiap item**

Bil.	Item	Saiz	Harga Se unit (RM)	
			Berbingkai	Tidak Berbingkai
1	Gambar 3R	3 1/2" x 5"		
2	Gambar 4R	4" x 6"		
3	Gambar 5R	5" x 7"		
4	Gambar 6R	6" x 8"		
5	Gambar 8R	8" x 10"		
6	Gambar 11R	11" x 14"		
7	Gambar 16R	16" x 20"		
8	Gambar 20R	20" x 24"		

\* kadar harga yang dikenakan adalah termasuk GST

## B. Harga Paket

Bil.	Item	Saiz	Harga Se unit (RM)	
			Berbingkai	Tidak Berbingkai
1	Paket A	8R – 2 Keping 4R – 4 Keping Softcopy Resin Coated		
2	Paket B	11R – 1 Keping 8R – 1 Keping 4R – 4 Keping Tulisan khas nama & jenis pingat Softcopy Resin Coated		
3	Paket C	16R – 1 Keping 8R – 1 Keping 4R – 4 Keping Tulisan khas nama & jenis pingat Softcopy Resin Coated		

\* kadar harga yang dikenakan adalah termasuk GST

Tawaran Sumbangan Kepada Kerajaan Negeri : RM .....

Wang Deposit : RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja)

.....  
(  
Tandatangan & Cop Syarikat )

Tarikh : .....

## LAMPIRAN F

### SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

No. Sebutharga: Bil. PSUKPP/48/2016

Saya,..... Nombor K.P..... yang memiliki syarikat..... nombor Pendaftaran Syarikat ..... dengan ini mengisyiharkan

bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga yang ditandatangani tanpa bayaran ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama: )

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

*Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan.*

**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

Bagi

**“PERKHIDMATAN MENGAMBIL GAMBAR PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2016 ”**

**No. Sebutharga: Bil. PSUKPP/48/2016**

Saya,..... Nombor K.P..... yang memiliki syarikat..... nombor Pendaftaran Syarikat ..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:
  - 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga di atas; atau
  - 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga yang ditandatangani tanpa bayaran ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
  - 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.
3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama: )

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

*Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan.*

**LAMPIRAN H****SENARAI SEMAKAN**

Sila tandakan  /  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

<b>Bil.</b>	<b>Perkara /Dokumen</b>	<b>Untuk ditanda oleh syarikat</b>	<b>Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b>
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Borang Maklumat Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Pematuhan Kepada Spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

11	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga(3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14	Lain-lain Sekiranya Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p><b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ..... (jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>
--	--